

27/05/2003

Bicara kes rogol gadis ditunda

KOTA KINABALU: Perbicaraan kes dua anggota Batalion ke-16 Pasukan Gerakan

Am (PGA) atas tuduhan merogol seorang gadis berusia 13 tahun di Pusat Tahanan Sementara Menggatal, tahun lalu, yang sepatutnya diadakan semalam, ditangguhkan sehingga esok.

Pendaftar Mahkamah Rendah, Pitrus Lee, memaklumkan perbicaraan itu ditangguhkan kerana Hakim Mahkamah Sesyen, Datuk Nurchaya Arshad, yang sepatutnya mendengar kes berkenaan menghadiri mesyuarat lain.

Perbicaraan itu sepatutnya didengar selama lima hari mulai semalam.

Kedua-dua anggota PGA itu ialah Mohd Fauzee Yahya, 34, dan Ahmad Nazri Zainurrdin, 33. Kedua-duanya dari Perak, didakwa merogol gadis itu di Blok

G, pusat tahanan berkenaan antara 27 Julai dan 14 Ogos tahun lalu.

Kedua-dua mereka yang sudah digantung kerja sejak 15 Januari lalu, didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan.

Mohd Fauzee yang juga tertuduh pertama diwakili peguam, Cedric Choo, manakala Ahmad Nazri diwakili James Tsai.

Sebelum penangguhan perbicaraan, Choo memohon agar dokumen berkaitan laporan maklumat pertama kenyataan beramaran, perubatan dan kimia dibekalkan kepada pihak pembela.

Berikutan itu, Deputy Superintendan Bernard Leo memberitahu mahkamah beliau akan memaklumkan permohonan itu kepada Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikannya kes itu, Dzulkifli Ahmad dan Mohd Dasuki Mokthar.

Kedua-dua tertuduh dihadapkan ke mahkamah pada 28 Februari lalu, tetapi tidak mengaku bersalah. Pihak pendakwa akan mengemukakan 30 saksi dalam perbicaraan itu.

Nurchaya sebelum ini turut membenarkan permohonan pendakwa mengikut Seksyen 15 Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 supaya nama dan identiti mangsa tidak didedahkan.

Kes membabitkan kanak-kanak itu mencetuskan kontroversi dan perbalahan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Manila, kerana gadis itu pada mulanya didakwa warga negara Filipina dan dihantar pulang ke negara berkenaan.

Berikutan itu, Presiden Gloria Macapagal Arroyo, mengutus surat bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kes rogol itu serta layanan buruk diberi kepada pendatang tanpa izin dari negaranya.

Bagaimanapun, hasil ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) mengesahkan gadis itu adalah rakyat Malaysia.

Baginya adalah penduduk Sabah manakala ibunya warga Filipina.